

Dasar Privasi

Tarikh Berkuat Kuasa: 15 Mac 2026

Dasar Privasi ini menerangkan amalan privasi Enovix Corporation serta anak syarikat dan rakan kongsinya (“**Enovix**”, “**kami**”, “**kita**” atau “**milik kami**”) dan cara kami mengendalikan maklumat peribadi yang dikumpul melalui laman web kami melalui pautan kepada Dasar Privasi ini (secara kolektif, “**Laman Web**”). Dasar Privasi ini juga menerangkan pilihan dan hak anda berkaitan dengan maklumat peribadi anda. Kami akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai di negara atau kawasan yang anda berada.

1. MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPUL
2. [BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA](#)
3. [BAGAIMANA KAMI BERKONGSI MAKLUMAT PERIBADI ANDA](#)
4. [ASAS UNDANG-UNDANG PEMROSESAN](#)
5. [PEMROSESAN KEPUTUSAN AUTOMATIK](#)
6. [PILIHAN ANDA](#)
7. **LAMAN WEB LAIN**
8. [KESELAMATAN](#)
9. [PENYIMPANAN DATA](#)
10. [PEMINDAHAN DATA ANTARABANGSA](#)
11. [PEMOHON KERJA](#)
12. [KANAK-KANAK](#)
13. [PERUBAHAN KEPADA DASAR PRIVASI INI](#)
14. [HUBUNGI KAMI](#)
15. [TAMBAHAN MENGIKUT WILAYAH/NEGARA](#)

1. Maklumat Peribadi yang Kami Kumpul

Maklumat yang anda berikan kepada kami. Maklumat peribadi, data peribadi, atau maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi adalah maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada individu yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti. Maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami melalui Laman Web atau cara lain adalah termasuk:

- **Maklumat hubungan perniagaan dan peribadi**, seperti nama penuh, alamat e-mel dan surat-menyurat, nombor telefon, jawatan profesional dan nama syarikat.
- **Maklumat pendaftaran**, seperti maklumat yang mungkin berkaitan dengan perkhidmatan, akaun, atau acara yang anda daftar.
- **Maklum balas atau surat-menyurat**, seperti maklumat yang anda berikan apabila menghubungi kami berkaitan dengan sebarang pertanyaan, maklum balas, atau sebarang komunikasi lain dengan kami secara dalam talian.
- **Maklumat transaksi**, seperti maklumat mengenai produk atau perkhidmatan yang anda beli daripada kami.

- **Maklumat penggunaan**, seperti maklumat mengenai penggunaan Laman Web dan interaksi anda dengan kami, termasuk maklumat yang berkaitan dengan sebarang kandungan yang anda muat naik ke Laman Web atau hantar kepada kami, serta maklumat yang anda berikan apabila menggunakan ciri-ciri interaktif di Laman Web tersebut.
- **Maklumat pemasaran**, seperti pilihan anda untuk menerima komunikasi mengenai produk, aktiviti, acara, dan penerbitan kami, serta maklumat mengenai bagaimana anda berinteraksi dengan komunikasi kami.
- **Maklumat lain** yang mungkin kami kumpul yang tidak disenaraikan secara spesifik di sini, tetapi akan digunakan selaras dengan Dasar Privasi ini atau seperti yang dizahirkan semasa pengumpulan.

Sumber pihak ketiga. Kami boleh menggabungkan maklumat peribadi yang kami terima daripada anda dengan maklumat peribadi yang diperolehi daripada sumber lain, seperti akaun media sosial yang digunakan untuk log masuk atau yang disambungkan ke Laman Web, yang akan membenarkan kami untuk mengumpul maklumat yang dikongsi oleh anda seperti yang ditetapkan melalui tetapan akaun media sosial tersebut.

Pengumpulan data automatik. Kami, penyedia perkhidmatan kami, dan rakan perniagaan kami boleh secara automatik merekod maklumat tentang anda, komputer atau alat peranti mudah alih anda, interaksi anda dengan Laman Web dari semasa ke semasa, dan komunikasi bersama kami, termasuk:

- **Data alat peranti**, seperti jenis pelayar anda, jenis peranti (sebagai contoh: telefon, tablet), alamat IP, pengecam unik (termasuk pengecam yang digunakan untuk tujuan pengiklanan), serta maklumat lokasi umum seperti bandar, negeri atau kawasan geografi.
- **Data aktiviti dalam talian**, seperti pelancaran, ketikan, klik, maklumat penatalan, halaman atau skrin yang dilihat, tempoh masa yang diluahkan pada sesuatu halaman atau skrin, laman web yang anda kunjungi sebelum melawati Laman Web ini, laluan navigasi antara halaman atau skrin, maklumat mengenai aktiviti anda pada halaman atau skrin, masa akses dan tempoh akses, sama ada anda telah membuka e-mel pemasaran kami atau mengklik pautan di dalamnya, serta data diagnostik (seperti log kerosakan, masa pelancaran, kadar tergantung, dan penggunaan tenaga).

Kuki. Kuki adalah fail data kecil yang diletakkan pada komputer atau peranti mudah alih anda apabila anda melawat sesuatu laman web. Kuki mempunyai pelbagai fungsi, termasuk membantu kami memahami bagaimana Laman Web ini digunakan, membolehkan anda menavigasi antara halaman dengan lebih efisien, mengingatkan pilihan anda, dan secara amnya meningkatkan pengalaman pelayaran anda. Laman Web kami mungkin menggunakan kuki sesi (yang tamat tempoh apabila anda menutup pelayar web) dan kuki kekal (yang kekal pada komputer atau peranti mudah alih sehingga anda memadamnya).

Kami menggunakan dua kategori utama kuki: (i) Kuki pihak pertama, dihantar terus oleh kami ke komputer atau peranti mudah alih anda, digunakan untuk mengenal pasti komputer atau peranti mudah alih anda apabila melawat Laman Web kami semula; dan (ii) Kuki pihak ketiga, dihantar oleh penyedia perkhidmatan atau rakan perniagaan di Laman Web kami, dan kuki ini boleh

digunakan oleh pihak ini untuk mengenal pasti komputer atau peranti mudah alih anda apabila ia melawat laman web lain. Kuki pihak ketiga boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, termasuk analitik Laman Web, pengiklanan dan ciri-ciri media sosial.

Laman Web kami juga mungkin menggunakan kuki dan teknologi penjejakan lain dalam kategori berikut:

- **Kuki pengiklanan.** Kuki ini digunakan oleh syarikat pengiklanan untuk mengumpul maklumat mengenai cara anda menggunakan Laman Web kami dan laman web lain dari semasa ke semasa. Syarikat pengiklanan ini akan menggunakan maklumat untuk memaparkan iklan yang relevan kepada anda dan mengukur prestasi iklan tersebut.
- **Kuki analitik.** Kuki ini membantu kami memahami prestasi dan penggunaan Laman Web kami. Kuki ini boleh berfungsi bersama isyarat web (web beacon) yang disertakan dalam e-mel yang dihantar untuk menjejaki e-mel yang dibuka dan pautan yang diklik oleh penerima.
- **Kuki penting.** Kuki ini diperlukan untuk membolehkan operasi teknikal Laman Web ini (sebagai contoh membolehkan anda menavigasi laman web dan menggunakan ciri-cirinya).

Lain-lain Teknologi

- **Penyimpanan Web Pelayar.** Kami mungkin menggunakan penyimpanan web pelayar (termasuk HTML5), yang juga dikenali sebagai objek yang disimpan secara tempatan (“LSO”), untuk tujuan yang serupa dengan kuki. Penyimpanan web pelayar menyimpan data yang lebih besar daripada kuki. Pelayar web anda mungkin menyediakan fungsi untuk memadamkan penyimpanan web pelayar.
- **Teknologi Flash.** Kami boleh menggunakan Flash kuki (juga dikenali sebagai Flash Objek yang dikongsi secara Tempatan (Flash LSO)) untuk mengumpul dan menyimpan maklumat yang berkaitan dengan penggunaan Laman Web. Berbeza dengan kuki lain, Flash kuki tidak boleh dipadam atau ditolak melalui tetapan pelayar anda. Sekiranya anda tidak mahu Flash LSO disimpan pada komputer atau peranti mudah alih anda, anda boleh menlaraskan tetapan *Flash Player* untuk menyekat penyimpanan Flash LSO dengan menggunakan alat yang terdapat dalam Panel Tetapan Penyimpanan Laman Web. Anda boleh mengawal Flash LSO melalui Panel Tetapan Penyimpanan Global dengan mengikut arahan yang tertera di situ. Sila ambil perhatian bahawa dengan menetapkan tetapan di Flash Player untuk menghalang dan mengehadkan penerimaan Flash LSO, ia boleh mengurangkan atau menghalang beberapa aplikasi Flash untuk berfungsi, termasuk aplikasi Flash yang digunakan berkaitan dengan Laman Web kami.
- **Isyarat Web (*Web Beacons*).** Kami juga mungkin menggunakan isyarat web (juga dikenali sebagai tag pixel atau GIFs yang jelas) pada Laman Web dan e-mel yang berformat HTML untuk menjejaki tindakan pengguna di Laman Web kami serta interaksi anda dengan e-mel kami. Tidak seperti kuki yang disimpan pada cakera keras computer atau peranti mudah alih melalui laman web, tag pixel disematkan secara tersembunyi pada halaman web atau dalam e-mel yang berformat HTML. Tag pixel digunakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu halaman web telah diakses atau kandungan tertentu telah dilihat, biasanya untuk

mengukur keberkesanan kempen pemasaran kami atau tahap penglibatan dengan e-mel kami serta untuk mengumpul statistik penggunaan Laman Web kami supaya kami dapat mengurus kandungan kami dengan lebih berkesan.

Untuk maklumat mengenai pilihan anda mengenai penggunaan kuki dan teknologi yang serupa di Laman Web ini, sila lihat bahagian [Pilihan Anda](#) di bawah.

Kategori maklumat peribadi yang disenaraikan di atas mungkin boleh dikaitkan dengan identiti anda oleh kami dan pihak ketiga seperti yang dinyatakan di bawah dalam bahagian [Bagaimana Kami Berkongsi Maklumat Peribadi Anda](#).

2. Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut atau sebagaimana yang diterangkan semasa pengumpulan:

Penyampaian Laman Web. Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk:

- Menyediakan, mengendalikan dan meningkatkan Laman Web serta perniagaan kami;
- Membolehkan fungsi-fungsi Laman Web, termasuk mengesahkan pengguna, mengaktifkan ciri-ciri, mencegah penipuan, melaksanakan langkah keselamatan, memastikan masa operasi pelayan, mengurangkan kerosakan aplikasi, dan meningkatkan kebolehskalaan serta prestasi;
- Berkomunikasi dengan anda mengenai Laman Web, termasuk menghantar pengumuman, kemas kini, amaran keselamatan, serta mesej sokongan dan pentadbiran;
- Memahami keperluan dan minat anda, dan memperibadikan pengalaman anda dengan Laman Web dan komunikasi kami; serta
- Menyedia sokongan untuk Laman Web, serta menjawab permintaan, pertanyaan dan maklum balas anda.

Penyelidikan dan pembangunan. Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan, termasuk menganalisis tingkah laku pengguna, menilai keberkesanan ciri-ciri sedia ada, merancang fungsi baharu, mengukur saiz atau ciri-ciri audiens, dan menganalisis serta menambah baik Laman Web dan perniagaan kami. Sebagai sebahagian daripada aktiviti, kami mungkin mencipta data agregat, tanpa nama atau data tanpa nama lain daripada maklumat peribadi yang dikumpul. Kami boleh menukar maklumat peribadi menjadi data tanpa nama dengan membuang maklumat yang boleh mengenal pasti anda secara peribadi. Kami boleh menggunakan data tanpa nama ini dan kongsi dengan pihak ketiga untuk tujuan perniagaan yang sah, termasuk menganalisis dan menambah baik Laman Web serta mempromosikan perniagaan kami.

Pemasaran dan pengiklanan. Kami dan penyedia perkhidmatan kami boleh mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan pemasaran dan pengiklanan seperti berikut:

- **Pemasaran langsung.** Kami mungkin menghantar komunikasi pemasaran yang berkaitan dengan Enovix atau mana-mana komunikasi pemasaran langsung yang dibenarkan oleh

undang-undang. Anda boleh memilih untuk menolak daripada menerima komunikasi pemasaran kami seperti yang diterangkan di [bahagian Menarik diri daripada pemasaran](#) di bawah.

Pematuhan dan perlindungan. Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk:

- mematuhi undang-undang yang terpakai, permintaan sah, dan proses undang-undang, seperti memberi maklum balas kepada sepina atau pihak berkuasa seperti yang diminta;
- melindungi hak, privasi, keselamatan atau harta kami, anda, atau pihak lain (termasuk membuat dan mempertahankan tuntutan undang-undang);
- mengaudit proses dalaman untuk mematuhi keperluan undang-undang, kontrak dan dasar dalaman;
- menguatkuasakan terma dan syarat yang mentadbir Laman Web; serta
- mencegah, mengenal pasti, menyasat dan menghalang aktiviti penipuan, berbahaya, tanpa kebenaran, tidak beretika atau haram, termasuk serangan siber dan kecurian identiti.

3. Bagaimana Kami Berkongsi Maklumat Peribadi Anda

Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak-pihak seperti yang disenaraikan di bawah, dengan pihak ketiga bersama persetujuan anda, dan sebagaimana yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini atau semasa pengumpulan:

Rakan Kongsi. Rakan kongsi kami, untuk tujuan yang konsisten dengan Dasar Privasi ini.

Penyedia Laman Web. Syarikat dan individu yang menyediakan perkhidmatan bagi pihak kami untuk membantu mengendalikan Laman Web atau perniagaan kami (seperti ruangan simpanan (*hosting*), teknologi maklumat, khidmat pelanggan, penghantaran e-mel, pemasaran, dan analitik laman web) untuk memudahkan penyediaan Laman Web.

Penasihat profesional . Penasihat profesional, seperti peguam, juruaudit, pengawai bank dan penanggung insurans, sekiranya perlu dalam menjalankan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada kami.

Pihak berkuasa dan lain-lain. Penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa kerajaan, dan pihak persendirian, sebagaimana kami percaya dengan niat baik adalah perlu atau sesuai untuk tujuan pematuhan dan perlindungan seperti yang diterangkan di atas.

Penerima perniagaan. Pemeroleh dan pihak berkaitan lain dalam transaksi perniagaan (atau rundingan bagi transaksi tersebut) yang melibatkan pelupusan korporat, penggabungan, penyatuan, pemerolehan, penyusunan semula, penjualan atau pelupusan terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perniagaan atau aset, atau kepentingan ekuiti dalam Enovix atau rakan kongsinya (termasuk yang berkaitan dengan kebangkrapan atau prosiding serupa).

4. Asas Perundangan untuk Pemrosesan

Asas undang-undang kami bagi pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi bergantung kepada maklumat peribadi yang berkenaan dan serta konteks khusus di mana ia dikumpul. Setakat mana kami memproses maklumat peribadi sebagai pengawal data, di mana kami menentukan tujuan dan cara pemrosesan, kami akan berbuat demikian berdasarkan kepentingan perniagaan sah kami (dengan mengambil kira hak privasi asas individu), pelaksanaan kontrak, pematuhan terhadap kewajipan undang-undang, atau persetujuan, bergantung kepada aktiviti perniagaan khusus yang terlibat.

5. Pemrosesan Keputusan Automatik

Pemrosesan keputusan automatik berlaku apabila sistem elektronik menggunakan maklumat peribadi untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan anda tanpa penglibatan manusia. Kami menggunakan analisis automatik dan penarafan risiko keselamatan siber untuk mencegah kecurian, penipuan, atau jenayah lain. Sekiranya pemrosesan keputusan automatik kami mempunyai kesan undang-undang atau menjejaskan anda secara signifikan, kami akan melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi hak, kebebasan dan kepentingan anda, termasuk mendapatkan persetujuan jelas daripada anda.

6. Pilihan anda

Anda mempunyai pilihan berikut berkenaan dengan maklumat peribadi anda.

Menolak komunikasi pemasaran.

Anda boleh memilih untuk tidak menerima e-mel yang berkaitan dengan pemasaran dengan mengikuti arahan “menolak” atau “berhenti melanggan” di bahagian bawah e-mel tersebut, atau dengan [menghubungi kami](#). Anda masih boleh menerima e-mel lain yang bukan untuk tujuan pemasaran.

Menyekat kuki dalam pelayar anda. Kebanyakan pelayar membenarkan anda menghapus atau menolak kuki. Untuk berbuat demikian, anda hendaklah mengikut arahan dalam tetapan pelayar anda. Kebanyakan pelayar menerima kuki secara lalai sehingga anda membuat perubahan pada tetapan anda. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda menetapkan pelayar untuk menyahaktifkan kuki, Laman Web kami mungkin tidak dapat berfungsi dengan baik. Untuk maklumat lanjut tentang kuki, termasuk melihat kuki yang telah ditetapkan pada peranti anda dan cara mengurus serta memadamnya, sila lawati www.allaboutcookies.org. Sekiranya anda tidak menerima kuki kami, anda mungkin mengalami kesulitan ketika menggunakan Laman Web kami. Sebagai contoh, kami mungkin tidak dapat mengenali komputer atau peranti mudah alih anda, dan anda mungkin perlu log masuk setiap kali melawat Laman Web kami.

Kebenaran peranti mudah alih. Anda boleh menggunakan tetapan privasi peranti mudah alih anda untuk menyahaktifkan akses kami kepada sebarang data yang diberikan melalui peranti tersebut.

Jangan jejak. Sesetengah pelayar Internet mungkin dikonfigurasi untuk menghantar isyarat “Jangan Jejak” kepada laman web yang anda lawati. Pada masa ini, kami tidak memberi respons kepada isyarat “Jangan Jejak” atau isyarat lain yang serupa. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai “Jangan Jejak,” sila lawati <http://www.allaboutdnt.com>.

Platform pihak ketiga. Sekiranya anda memilih untuk menyambung Laman Web melalui akaun media sosial anda, anda boleh menggunakan tetapan akaun pada platform tersebut untuk menghadkan maklumat yang kami terima daripadanya. Jika anda menarik balik kebenaran kami untuk mengakses maklumat daripada platform pihak ketiga, pilihan itu tidak akan terpakai pada maklumat yang telah kami terima daripada pihak ketiga tersebut.

Menolak untuk memberikan maklumat. Jika anda tidak memberikan maklumat yang kami kenal pasti sebagai diperlukan atau wajib, kami mungkin tidak dapat menyediakan sebahagian daripada fungsi Laman Web tersebut.

7. Laman Web Lain

Laman Web ini mungkin mengandungi pautan ke laman web, aplikasi, dan perkhidmatan dalam talian yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Tambahan pula, kandungan kami mungkin diintegrasikan ke dalam halaman web atau perkhidmatan dalam talian lain yang tidak berkaitan dengan kami. Pautan dan integrasi ini bukanlah suatu pengesahan atau pernyataan bahawa kami mempunyai hubungan dengan mana-mana pihak ketiga. Kami tidak mengawal laman web, aplikasi, atau perkhidmatan dalam talian yang dikendalikan oleh pihak ketiga, dan kami tidak bertanggungjawab terhadap tindakan mereka.

8. Keselamatan

Kami menggunakan pelbagai langkah teknikal, organisasi, dan fizikal untuk melindungi maklumat peribadi yang kami kumpul. Walau bagaimanapun, risiko keselamatan wujud dalam semua teknologi Internet dan maklumat, dan kami tidak dapat menjamin keselamatan maklumat peribadi anda sepenuhnya.

9. Penyimpanan Data

Kami menyimpan maklumat selama tempoh yang diperlukan untuk melaksanakan tujuan asal kami mengumpul maklumat anda dan untuk tujuan perniagaan sah lain, termasuk memenuhi kewajipan undang-undang, peraturan, atau pematuhan kewajipan lain.

10. Pemindahan Data Antarabangsa

Kami beribu pejabat di Amerika Syarikat dan mungkin menggunakan penyedia perkhidmatan yang beroperasi di negara lain. Maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan ke lokasi lain di mana undang-undang privasi mungkin tidak sekuat undang-undang di negeri, wilayah, atau negara anda. Di mana sahaja kami memproses maklumat peribadi anda, kami akan mengambil langkah-langkah wajar untuk memastikan ia dilindungi selaras dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai. Kami menggunakan Klausula Kontrak Standard Suruhanjaya Eropah bagi pemindahan maklumat peribadi dari Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) antara kami dan rakan perniagaan serta penyedia perkhidmatan. Kami mempunyai langkah-langkah setara bagi pemindahan maklumat peribadi dari bidang kuasa lain yang mempunyai keperluan yang serupa.

11. Pemohon Pekerjaan

Untuk maklumat mengenai pemprosesan maklumat peribadi berkaitan permohonan pekerjaan oleh Enovix, sila rujuk [Notis Privasi Calon Enovix](#).

12. Kanak-kanak

Laman Web ini tidak bertujuan untuk digunakan oleh kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Sekiranya kami mendapati bahawa kami telah mengumpul maklumat peribadi melalui Laman Web daripada kanak-kanak di bawah 18 tahun tanpa persetujuan ibu bapa atau penjaga seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, kami akan menghapuskan maklumat tersebut.

13. Perubahan kepada Dasar Privasi Ini

Kami berhak untuk mengubah Dasar Privasi ini pada bila-bila masa. Sekiranya kami membuat perubahan material kepada Dasar Privasi ini, kami akan memaklumkan kepada anda dengan mengemas kini tarikh Dasar Privasi ini dan menyiarkannya di Laman Web. Jika dikehendaki oleh undang-undang, kami juga akan memberikan notifikasi mengenai perubahan tersebut melalui cara lain yang kami percaya secara munasabah disampaikan kepada anda, seperti melalui e-mel atau cara lain melalui Laman Web. Sebarang pindaan kepada Dasar Privasi ini akan berkuat kuasa sebaik sahaja versi yang telah dipinda disiarkan (atau sebagaimana yang ditunjukkan semasa penyiaran). Dalam mana-mana kes, penggunaan Laman Web oleh anda selepas tarikh berkuat kuasa Dasar Privasi yang telah diubah menandakan penerimaan anda terhadap perubahan Dasar Privasi tersebut.

14. Cara Menghubungi Kami

Enovix Corporation

3501 W. Warren Avenue

Fremont, CA 94538

Telefon: (510) 687-1330

E-mel: privacy@enovix.com

15. Tambahan Mengikut Wilayah/Negara

Beberapa peruntukan privasi tambahan mungkin relevan dengan negara tempat tinggal anda. Tambahan wilayah/negara di bawah mesti dibaca bersama dengan seksyen-seksyen yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini.

A. Maklumat Tambahan untuk Penduduk di Amerika Syarikat

Apabila Enovix tertakluk kepada keperluan di bawah Akta Privasi Pengguna California 2019 (CCPA), sebagaimana dipinda oleh Akta Hak Privasi California 2020, atau apabila undang-undang negeri AS lain mempunyai keperluan yang serupa, perkara berikut adalah terpakai:

Sebagai pengguna, anda mempunyai hak untuk:

- Mengetahui maklumat peribadi yang telah kami kumpul berkaitan dengan anda, termasuk kategori maklumat peribadi, kategori sumber maklumat peribadi tersebut dikumpul, tujuan perniagaan atau komersial bagi pengumpulan, penjualan, atau perkongsian maklumat peribadi, kategori pihak ketiga kepada siapa maklumat peribadi dizahirkan, dan maklumat peribadi khusus yang telah kami kumpulkan mengenai anda.
- Memadam maklumat peribadi yang telah kami kumpulkan daripada anda.
- Membetulkan maklumat peribadi yang tidak tepat yang kami simpan mengenai anda.
- Menolak sebarang perkongsian maklumat peribadi anda oleh kami.
- Mengehadkan penggunaan atau penzahiran maklumat peribadi sensitif oleh kami.
- Menerima layanan tanpa diskriminasi atas penggunaan hak-hak ini.
- Membuat rayuan terhadap sebarang penolakan permintaan untuk menggunakan hak-hak ini.

Untuk menggunakan hak-hak ini, sama ada secara langsung atau melalui ejen yang dilantik dengan sewajarnya, atau untuk mengehadkan perkongsian maklumat peribadi anda, sila e-mel kepada kami di privacy@enovix.com.

B. Maklumat Tambahan untuk Penduduk di China

Apabila Undang-undang Perlindungan Maklumat Peribadi China ("**PIPL**") memerlukan persetujuan yang berasingan bagi pemprosesan dan pemindahan maklumat peribadi, Enovix akan memaklumkan kepada anda secara berasingan dan menyediakan butiran penerima luar negara, jenis data yang dizahirkan, dan tujuan pemindahan.

Apabila maklumat peribadi dipindahkan ke negara-negara yang, menurut pihak berkuasa China, tidak menawarkan tahap perlindungan yang mencukupi berhubung dengan PIPL, pemindahan tersebut tertakluk kepada Klausula Kontrak Standard China.

Anda mungkin mempunyai hak tambahan di bawah PIPL seperti berikut:

- Anda mempunyai hak untuk meminta penjelasan lanjut daripada Enovix mengenai peraturan pemprosesan maklumat peribadi anda sekiranya ia tidak jelas atau tidak diterangkan dalam polisi privasi kami.
- Anda mempunyai hak untuk memindahkan maklumat peribadi yang dipegang oleh Enovix kepada pemproses maklumat peribadi yang lain selagi pemindahan tersebut mematuhi PIPL.

C. Maklumat Tambahan untuk Penduduk di India

Rujukan kepada "maklumat peribadi" dalam Dasar Privasi ini ditakrifkan sebagai "data peribadi" untuk tujuan Akta Perlindungan Data Peribadi Digital India 2023 ("**DPDPA**").

Kami akan melaksanakan sebarang pemindahan maklumat peribadi anda ke luar India dengan mematuhi DPDPA. Pemindahan maklumat peribadi ke mana-mana negara atau wilayah di luar India adalah dibenarkan melainkan ia dihadkan oleh Kerajaan Pusat melalui notifikasi rasmi.

Hak tambahan anda di bawah DPDPA disenaraikan di bawah:

- Sekiranya anda ingin membuat aduan atau tidak berpuas hati dengan cara kami memproses maklumat peribadi anda atau melaksanakan hak-hak anda, anda boleh menghantar aduan kepada kami di privacy@enovix.com. Kami akan mengakui dan memberi maklum balas terhadap aduan anda dalam tempoh yang ditetapkan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- Anda mempunyai hak untuk menamakan individu lain yang boleh menggunakan hak anda sekiranya anda meninggal dunia atau tidak mempunyai upaya untuk berbuat demikian. Sekiranya anda ingin menamakan seorang penama, sila e-mel kepada privacy@enovix.com dengan memberikan nama penuh, nombor telefon, alamat e-mel, dan hubungan penama dengan anda.

Sila hantar sebarang permintaan atau pertanyaan untuk menggunakan hak anda ke privacy@enovix.com. Di India, selepas menggunakan sepenuhnya peluang untuk menyelesaikan hak aduan, anda boleh membuat aduan kepada Lembaga Perlindungan Data India dengan menghubungi pejabat kerajaan tempatan atau nasional anda, atau dengan menghubungi Kementerian Elektronik & Teknologi Maklumat di <https://www.meity.gov.in>.

D. Maklumat Tambahan untuk Penduduk di Malaysia

Rujukan kepada "maklumat peribadi" dalam Dasar Privasi ini ditakrifkan sebagai "data peribadi" untuk tujuan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010, seperti yang dipinda oleh Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 ("**PDPA**").

Maklumat peribadi sensitif di bawah PDPA termasuk maklumat berkaitan kesihatan fizikal atau mental seseorang, pandangan politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, penglibatan atau dakwaan penglibatan dalam sebarang kesalahan, dan data biometrik. Kami secara amnya tidak mengumpul atau memproses maklumat peribadi sensitif kecuali persetujuan jelas diperolehi daripada anda, atau di mana pemprosesan tersebut dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, sekiranya anda secara sukarela memberikan maklumat peribadi sensitif, kami akan menganggap bahawa anda telah memberikan persetujuan secara nyata melalui tindakan untuk membenarkan Enovix mengumpul, menggunakan, menzahirkan, atau memproses maklumat tersebut untuk tujuan yang diberikan, selaras dengan PDPA.

Dalam melaksanakan operasi perniagaan antarabangsa, maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan dan diproses di luar Malaysia untuk tujuan yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini. Pemandangan antarabangsa dijalankan selaras dengan keperluan PDPA, termasuk mengambil langkah munasabah untuk memastikan negara penerima mempunyai undang-undang yang serupa dengan PDPA atau menyediakan tahap perlindungan yang setara dengan PDPA.

Anda mempunyai hak berikut di bawah PDPA: (i) hak untuk mengakses maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami; (ii) hak untuk meminta pembetulan maklumat peribadi; (iii) hak untuk menarik balik persetujuan bagi pemprosesan maklumat peribadi; (iv) hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau tekanan; (v) hak untuk menghalang pemprosesan untuk tujuan pemasaran langsung; dan (vi) hak untuk kemudahan data bagi memindahkan maklumat peribadi. Sekiranya anda ingin menggunakan hak-hak ini atau mempunyai sebarang pertanyaan, permintaan, atau aduan berkaitan pemprosesan maklumat

peribadi anda, sila e-mel kepada Pegawai Perlindungan Data tempatan kami di dpo_enovix@hhq.com.my.

Enovix menyediakan versi Bahasa Malaysia bagi Dasar Privasi ini dan tambahan untuk Malaysia. Versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi.

E. Maklumat Tambahan untuk Penduduk di Korea Selatan

Apabila Enovix tertakluk kepada Undang-undang Perlindungan Maklumat Peribadi Korea Selatan ("**PIPA**"), perkara berikut terpakai:

- Anda boleh menggunakan hak berkaitan perlindungan maklumat peribadi dengan meminta akses kepada maklumat peribadi anda atau pembetulan, pemadaman, atau penangguhan pemprosesan maklumat peribadi anda, dan sebagainya., selaras dengan PIPA.
- Maklumat peribadi anda mungkin diproses secara global. Apabila maklumat peribadi diproses merentas sempadan negara, Enovix mematuhi undang-undang mengenai pemindahan maklumat peribadi antara negara untuk memastikan maklumat peribadi anda dilindungi. Maklumat peribadi anda boleh dipindahkan, diakses atau diproses oleh pihak ketiga seperti yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini.
- Dengan persetujuan anda, Enovix atau penyedia perkhidmatan kami boleh mengumpul atau menggunakan data biometrik anda.
- Anda boleh menggunakan hak perlindungan data anda atau mengemukakan pertanyaan atau permintaan melalui e-mel kepada privacy@enovix.com.